

**SOALAN-SOALAN LAZIM**  
**PEMBIAYAAN TABUNG USAHAWAN BELIA FELDA (TUBF)**

No	Soalan	Jawapan Rasmi
1	<b>Apakah yang dimaksudkan dengan TUBF?</b>	<p>TUBF bermaksud Tabung Usahawan Belia FELDA. Ianya telah diinspirasikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob khusus untuk manfaat usahawan belia FELDA yang ingin memulakan atau mengembangkan perniagaan.</p> <p>FELDA mengadakan kerjasama strategik dengan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sebagai ejen pengurusan pembiayaan, latihan, kutipan bayaran balik dan pemantauan serta pelaporan prestasi perniagaan sepanjang tempoh pembiayaan TUBF.</p> <p>Usahawan yang ditawarkan Pembiayaan TUBF perlu mengikut program latihan dan bimbingan perniagaan anjuran BIMB.</p>
2	<b>Apakah objektif penubuhan TUBF?</b>	Objektif penubuhan TUBF ialah untuk memangkinkan pertumbuhan ekonomi khususnya di Rancangan FELDA.
3	<b>Bagaimakah cara untuk memohon pembiayaan TUBF?</b>	Borang permohonan boleh dimuat turun melalui pautan TUBF di laman sesawang FELDA.
4	<b>Siapakah yang layak memohon?</b>	<p>Usahawan yang memenuhi kriteria berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Warganegara Malaysia yang berumur 18 - 40 tahun;</li> <li>ii. Terbuka kepada anak/cucu/cicit kepada peneroka/pentadbir. Keutamaan akan diberikan kepada belia yang menetap dan menjalankan perniagaan di dalam Rancangan FELDA;</li> <li>iii. Pemohon perlu mendapatkan pengesahan status anak/cucu/cicit kepada peneroka/pentadbir daripada Pengurus Rancangan FELDA masing-masing;</li> <li>iv. Pemohon merupakan pemilik perniagaan entiti tunggal atau</li> </ul>

No	Soalan	Jawapan Rasmi
		<p>perkongsian yang telah menjalankan perniagaan secara sepenuh masa. Semua rakan kongsi mesti terdiri daripada anak/cucu/cicit kepada peneroka/pentadbir sahaja.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>v. Perniagaan yang dijalankan mematuhi syariah dan undang-undang Malaysia;</li> <li>vi. Perniagaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi Wilayah Sahabat;</li> <li>vii. Perniagaan wajib didaftarkan ke dalam Sistem Maklumat Usahawan FELDA (SEIS);</li> <li>viii. Perniagaan yang berada di dalam Rancangan FELDA atau kompleks pejabat Wilayah FELDA atau bandar yang wujud kerana penempatan peneroka Rancangan FELDA atau bandar berhampiran Rancangan/Wilayah FELDA dalam lingkungan 25 KM ke bawah;</li> <li>ix. Perniagaan yang berada di luar Rancangan FELDA atau bekas pejabat Wilayah FELDA atau kompleks ibu pejabat FELDA atau bandar berhampiran Rancangan/Wilayah FELDA melebihi lingkungan 25 KM;</li> <li>x. Pemohon hanya boleh membuat satu (1) permohonan sahaja pada satu masa yang sama;</li> <li>xi. Setiap keluarga peneroka dibenarkan membuat dua (2) permohonan atas nama usahawan belia yang berlainan pada satu masa yang sama;</li> <li>xii. Usahawan perlu mengemukakan 6 bulan penyata bank perniagaan atau individu sebagai bukti pendapatan atas perniagaan yang dilaksanakan;</li> <li>xiii. Usahawan mesti melengkapkan Kertas Perancangan Perniagaan</li> </ul>

No	Soalan	Jawapan Rasmi
		<p>menggunakan format yang disediakan;</p> <p>xiv. Pemohon wajib menyertai kursus induksi dan latihan pengukuhan yang disediakan secara berkala.</p> <p>xv. Pemohon wajib melaporkan prestasi perniagaan sepanjang tempoh pembiayaan.</p> <p>xvi. Peneroka/Pentadbir mestilah menghantar hasil kepada FELDA dan mempunyai Penyata Pendapatan Bulanan.</p> <p>xvii. Peneroka/Pentadbir wajib mengisi Borang Kebenaran Potongan Penyata Pendapatan Bulanan Peneroka/Pentadbir untuk membenarkan pihak FELDA memotong pendapatan hasil bagi membayar tunggakan bayaran pembiayaan TUBF.</p>
5	<b>Siapakah yang dikategorikan sebagai Usahawan Sedia Ada dan Usahawan Baharu dalam konteks pembiayaan TUBF?</b>	<p>i. Usahawan Sedia Ada ialah : Perniagaan yang telah beroperasi selama 1 tahun dan ke atas berpandukan tarikh pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).</p> <p>ii. Usahawan Baharu ialah : Perniagaan yang telah beroperasi operasi selama 6 bulan hingga 1 tahun berpandukan tarikh pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).</p>
6	<b>Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon Pembiayaan TUBF?</b>	<p>Dokumen yang diperlukan ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dua (2) salinan kad pengenalan peneroka/pentadbir (disahkan);</li> <li>ii. Dua (2) salinan kad pengenalan pemohon (disahkan);</li> <li>iii. Dua (2) gambar berukuran pasport;</li> <li>iv. Salinan sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Sabah);</li> <li>v. Penyata bank terkini untuk perniagaan atau individu (6 bulan);</li> <li>vi. Borang Permohonan Tabung Usahawan Belia FELDA (TUBF-01);</li> </ul>

No	Soalan	Jawapan Rasmi
		<p>vii. Borang Kebenaran Potongan Penyata Pendapatan Bulanan Peneroka (TUBF-02);</p> <p>viii. Kertas Perancangan Perniagaan Untuk Permohonan TUBF;</p> <p>ix. Borang Permohonan Program Pembiayaan BIMB (BangKIT);</p> <p>x. Borang BangKIT Lembaran Maklumat Produk Pembiayaan Mikro BangKIT (Borang ini Perlu ditandatangani oleh Pemohon);</p> <p>xi. Borang Customer Declaration of Valve Base Intermediation (VBI) Initiative;</p> <p>xii. Borang Permohonan Pembukaan Akaun (Primary Application Form for Account Opening Individual);</p> <p>xiii. Borang Maklumat Pemegang Akaun Bersama (Secondary Application for Account Opening Company)</p>
7	<b>Apakah konsep pembiayaan TUBF</b>	<p>Pembiayaan TUBF berkonseptkan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembiayaan mudah dan patuh syariah.</li> <li>ii. Bagi tujuan perbelanjaan modal (<i>capital expenditure</i>).</li> <li>iii. Beserta latihan induksi dan latihan pengukuhan secara berkala.</li> </ul>
8	<b>Berapakah kadar faedah dan caj perkhidmatan yang dikenakan ?</b>	Tiada kadar faedah dan caj perkhidmatan yang dikenakan.
9	<b>Apakah skop perbelanjaan modal bagi pembiayaan TUBF?</b>	<p>Skop perbelanjaan modal bagi pembiayaan TUBF ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menaik taraf premis perniagaan (termasuk kos menambah fungsi premis sedia ada).</li> <li>ii. Naik taraf ruang luar premis.</li> <li>iii. Peralatan dan kelengkapan komputer.</li> <li>iv. Perabot dan kelengkapan pejabat/perniagaan.</li> <li>v. Intangible assets (kos lesen, pensijilan atau paten).</li> <li>vi. Mesin (termasuk kos logistik ke lokasi operasi perniagaan).</li> <li>vii. Perisian komputer atau langganan aplikasi pintar.</li> </ul>
10	<b>Apakah bentuk latihan wajib yang perlu dihadiri oleh peminjam?</b>	Peminjam perlu menghadiri latihan induksi dan latihan pengukuhan yang akan dikendalikan oleh pihak BIMB. Pembiayaan akan dikreditkan ke akaun peminjam setelah peminjam menghadiri latihan induksi.
11	<b>Apakah jenis perniagaan yang layak memohon pembiayaan TUBF?</b>	Semua jenis perniagaan patuh syariah & undang-undang Malaysia KECUALI Industri

No	Soalan	Jawapan Rasmi
		Asas Tani iaitu projek ternakan, akuakultur dan tanaman.
12	<b>Agensi perbankan manakah yang bekerjasama dengan FELDA bagi menguruskan pembiayaan TUBF?</b>	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
13	<b>Berapakah amaun pembiayaan yang ditawarkan?</b>	Amaun pembiayaan :  i. Usahawan Sedia Ada RM 10,000 – RM20,000  ii. Usahawan Baharu RM5,000 – RM15,000
14	<b>Berapakah tempoh kutipan bayaran balik?</b>	Maksimum 3 tahun.
15	<b>Berapa lamakah tempoh proses kelulusan pembiayaan TUBF diambil?</b>	1 bulan selepas borang permohonan dan maklumat lengkap diterima oleh bank.
16	<b>Apakah yang akan berlaku sekiranya peminjam gagal membayar pembiayaan?</b>	Sekiranya pemohon gagal membayar pembiayaan, surat peringatan akan dikeluarkan oleh pihak BIMB.  Kegagalan membayar pembiayaan akan mempengaruhi kredit skor peminjam dalam Laporan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS).  Pemotongan melalui Penyata Pendapatan Bulanan Peneroka/Pentadbir akan dibuat bagi membayar tunggakan bayaran pembiayaan TUBF.
17	<b>Bagaimana saya mengetahui status permohonan?</b>	Status permohonan akan dimaklumkan oleh pihak bank melalui e-mel.
18	<b>Dimanakah peminjam boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang Pembiayaan TUBF?</b>	Maklumat lanjut mengenai TUBF boleh dicapai melalui :  i. Laman web FELDA <a href="http://www.felda.gov.my">www.felda.gov.my</a>  ii. Facebook FELDA feldalktp  iii. E-mel : <a href="mailto:admin.tubf@felda.net.my">admin.tubf@felda.net.my</a>  Selain itu, anda juga boleh menghubungi :  Jabatan Pembangunan Usahawan Tingkat 34, Menara FELDA Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur  03-21912191/2152/2029/2052/2012/2051/2180